

## “HIDUP SEJAHTERA KEBAJIKAN TERPELIHARA”

(18 November 2016 / 18 Safar 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا

بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَىٰ  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ  
وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

### SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini diberkati di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “**HIDUP SEJAHTERA KEBAJIKAN TERPELIHARA**”.

### SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Allah SWT telah menurunkan Al-Quran yang mengandungi panduan bagaimana untuk memperoleh kesejahteraan hidup di dunia dan di hari Akhirat. Jika diteliti,

sememangnya antara intipati ajaran Islam adalah mengenai kesejahteraan, keamanan, ketenteraman dan keselamatan. Tanpa kesejahteraan dan keadilan, manusia akan sentiasa dibelenggu dengan kerisauan.

Oleh itu, Syariat Islam bertindak sebagai sumber kehidupan sosial yang teratur dan harmoni untuk mewujudkan asas-asas keselamatan berlandaskan keadilan dan kesejahteraan berasaskan lima perkara utama iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Akibat dari pengabaian syariat, pelbagai masalah telah timbul dan menyebabkan Islam hanya tinggal pada nama sahaja.

Dalam konteks urusan kenegaraan, keselamatan yang dimaksudkan tidak semata-mata wujud apabila keadaan sesebuah negara itu tidak berperang, kerana ada juga negara-negara yang tidak berada dalam kancah peperangan berada dalam keadaan takut, tidak selamat, was-was, tidak ada kesejahteraan, kedamaian dan keamanan. Yang pasti, apabila agama menjadi payungan hidup masyarakat, nescaya pasti Allah SWT menjadi penyelamatnya. Firman Allah SWT di dalam Surah Muhammad ayat 7:

﴿يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنْ نَّصُرُوْا اللّٰهَ يَنْصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ اَقْدَامَكُمْ﴾

**Maksudnya:** “Wahai orang yang beriman, kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.”

### **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Kita berhadapan dengan peredaran masa dan kemajuan yang pesat, begitu juga perubahan pada pemikiran dan tindakan yang amat ketara. Kebelakangan ini, bagi sesetengah orang apa sahaja yang menimbulkan ketidakpuasan hati kononnya boleh ditempiaskan melalui demonstrasi atau tunjuk perasaan sebagai cara untuk melakukan perubahan dan menukar ketetapan sesebuah kerajaan dengan yang lebih baik. Sedangkan sebenarnya tanpa kita sedari ianya hanya mengundang campur tangan kuasa asing dalam pentadbiran serta perundangan negara dan sekaligus

mencetus huru-hara serta mewujudkan pelbagai isu dan spekulasi yang boleh memburukkan imej negara di mata masyarakat dunia.

Dalam hal ini, Islam telah menunjukkan suatu kaedah yang sesuai untuk mengubah kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pemerintah iaitu dengan cara nasihat, berdoa, dan membantu pemerintah dalam hal-hal kebaikan sebagaimana yang disebut dalam hadis Nabi SAW:

عَنْ شُرَيْحِ بْنِ عُبَيْدٍ، قَالَ: قَالَ عِيَاضُ بْنُ عَنَمٍ لِهَشَامِ بْنِ حَكِيمٍ: أَلَمْ تَسْمَعْ بِقَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَرَادَ أَنْ يَنْصَحَ لِذِي سُلْطَانٍ فَلَا يُبْدِهِ عِلَاتِيَّةً، وَلَكِنْ يَأْخُذُ بِيَدِهِ فَيَخْلُوا بِهِ، فَإِنْ قَبِلَ مِنْهُ فَذَاكَ، وَإِلَّا كَانَ قَدْ أَدَّى الَّذِي عَلَيْهِ

**Mafhumnya:** “Barangsiapa yang ingin menasihati pemerintah maka janganlah dia melakukannya secara terbuka, sebaliknya hendaklah dia mengambil tangannya (pemerintah itu) dan (menasihatnya secara) tertutup; sekiranya dia menerimanya maka itu yang diinginkan dan jika tidak, maka dia telah menunaikan tanggungjawabnya.” (Riwayat Ibnu Abi Al-Asim)

Kaedah ini sama sekali tidak boleh diubah dengan cara yang menyalahi syarak sebagaimana cara demonstrasi, perarakan, tunjuk perasaan, rapat umum dan menyatakan bantahan beramai-ramai terhadap pemerintah secara terang-terangan dalam perhimpunan umum. Jika dilakukan juga, maka ini menyingkap kelemahan mereka kerana tidak mampu menasihati pemerintah dengan cara yang betul. Tambahan pula, demonstrasi jalanan akan menimbulkan banyak *mafsadah* seperti kerosakan harta awam, menimbulkan sentimen perpecahan, mencetus ketegangan dan menjadi bibit perpecahan rakyat.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Islam sebagai agama yang positif, tidak membawa gambaran-gambaran keganasan, radikal atau ekstremis yang boleh merosakkan kehidupan manusia. Malah Islam menggesa umatnya untuk bermasyarakat selaras dengan tamadun dan kemajuan

yang dicapai ibarat sekawan lebah yang membina sarang dari bahan-bahan sekitarnya dan sentiasa aktif di dalam proses pembinaannya.

Inilah yang berlaku kepada pemerintahan Nabi SAW dan Khulafa' Ar Rasyidin di Kota Madinah. Dalam tempoh empat puluh tahun, pembentukan masyarakat sudah hampir mencapai kesempurnaan dan dilengkapi dengan asas peraturan, undang-undang serta sistem dalam bidang agama, politik, kemasyarakatan dan ekonomi. Akhirnya umat Islam berjaya melahirkan satu sistem yang sempurna mengikut yang ditetapkan oleh Allah SWT dengan istilah melaksanakan kewajiban dan ajaran-ajaranNya.

Ketahuilah, Islam tidak pernah menyekat kebebasan dan melucutkan kehendak umatnya, apatahlagi memaksa sesuatu yang memudaratkan ke atas mereka. Malah sebaliknya diberikan kebebasan di dalam batas-batas yang ditentukan oleh Allah SWT. Islam membenarkan kita untuk mencari kebaikan dan kebenaran di samping berusaha untuk mencapai kepentingan umum dan diri sendiri mengikut kemampuan yang ada tetapi menolak segala unsur keburukan. Yang pasti, keburukan boleh mengakibatkan perpecahan dan permusuhan di kalangan rakyat serta membawa kesengsaraan hidup, kemusnahan harta benda, kemunduran ekonomi dan merosakkan sistem pengurusan negara, keluarga dan masyarakat.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Selain itu, Islam juga amat menggalakkan umatnya agar memperbanyakkan amalan kebajikan yang membawa pelbagai kebaikan. Amalan mulia ini mengajak kita agar sentiasa menjaga kemaslahatan masyarakat dengan amalan tolong-menolong dalam melakukan amal kebajikan dan meninggalkan segala yang bertentangan dan melanggar syariat-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran ayat 115:

﴿ وَمَا يَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَنْ يُكْفَرُوهُ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالْمُتَّقِينَ ﴾

**Maksudnya:** “Dan apa sahaja kebajikan yang mereka kerjakan, maka mereka tidak sekali-kali akan diingkari (atau disekat dari mendapat pahalanya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui akan keadaan orang yang bertakwa.”

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat sebanyak 9.1 peratus golongan warga emas dan 1.3 peratus golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta 32.2 peratus adalah kanak-kanak yang merupakan sebahagian daripada 31 juta penduduk Malaysia. Apa yang dapat kita fahami ialah kesemua golongan ini sebenarnya amat memerlukan sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak agar dapat membina kehidupan yang lebih sejahtera terutamanya warga emas, Orang Kelainan Upaya, bayi, kanak-kanak dan remaja.

Tambahan pula, kes-kes pengabaian dan penderaan anak-anak, pembuangan bayi serta penagihan dadah yang melibatkan golongan ini masih berlaku. Persoalannya, di manakah kesedaran masyarakat dalam memikul tanggungjawab bersama menjaga kebajikan mereka ini. Rasulullah SAW pernah berpesan:

عَنْ النُّعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ، مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

**Maafumnya:** “Daripada Nu'man bin Basyir RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Perumpamaan orang yang beriman yang saling cinta-mencintai, kasih-mengasihi, dan berlemah-lembut ibarat satu tubuh badan yang jika ditimpa kesakitan maka seluruh tubuhnya turut merasakan sakit dengan tidak dapat tidur dan menghidap demam.” (HR Muslim)

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Bersempena dengan **Hari Terbuka Kebajikan tahun 2016** dari 17 hingga 20 November 2016 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi,

mimbar ingin mengajak dan menyeru hadirin sekalian dan seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama kita menyuburkan amalan kebaikan dan kebajikan di dalam diri kita dengan mengambil tanggungjawab untuk melakukan amal kebajikan sepanjang masa. Marilah kita bersatu padu mengekalkan keharmonian di kalangan kita dengan semangat persaudaraan Islam dan menghormati orang lain. Jauhilah anasir jahat dan godaan syaitan yang menyesatkan agar kita tetap bersatu, bermuafakat dan menjadi masyarakat penyayang serta mendapat rahmat Allah.

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman di dalam kehidupan kita, antaranya:

**Pertama:** Kesejahteraan dan keadilan dalam mendirikan sebuah negara mempertingkatkan keharmonian masyarakat.

**Kedua:** Amalan nasihat-menasihati, mendoakan kebaikan, dan membantu pemerintah dalam hal-hal kebaikan meninggikan kedudukan darjat manusia di sisi Allah SWT.

**Ketiga:** Amalan kebajikan melahirkan umat yang penyayang dan mendorong mereka melakukan pelbagai kebaikan kepada agama, masyarakat dan negara serta mengekalkan hidup yang harmoni.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ وَأَمْرًا هَلَاكَ بِالصَّلَاةِ وَأَصْطَبِرَ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ

وَالْعَقِبَةُ لِلنَّقْوَى ﴿

**Maksudnya:** “Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertakwa.” (Surah Taha: 132)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## “KHUTBAH KEDUA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنُؤْمِنُ بِهِ وَنَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ  
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ  
وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾ (سورة الأحزاب: ٥٦). اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ  
بْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ  
سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.  
 اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ، الَّذِينَ قَضَوْا  
 بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى  
 مَلِكِنَا، سري فادوك بکیندا یغ دفرتوان اکوڠ مولانا الملک المعتصم با الله محب  
 الدین توانکو الحاج عبد الحليم معظم شاه ابن المرخوم السلطان بدلي شاه،  
 راج فرمایسوري اکوڠ سلطانه حاجه حامينه وعلى كل بناته وقرابته.  
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا  
 مِنَ الْمُفْسِدِينَ، وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ، وَوَقِّفْنَا حَمِيْعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ  
 مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ.

**Ya Allah Ya Tuhan Kami. Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan-Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang di antara kami, kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.**

﴿ رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾ (سورة آل عمران: ٨)  
 ﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾ (سورة البقرة):  
 ٢٠١. عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى  
 عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ (سورة النحل):  
 ٩٠. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
 يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.